

Bantu promosikan pelancongan

Tourism Pahang alu-alukan mahasiswa antarabangsa UMP jadi sukarelawan

ERMA YUSNIDA JUSOH

KUANTAN - Tourism Pahang mengalu-alukan penglibatan mahasiswa antarabangsa **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** sebagai sukarelawan dalam setiap program promosi pelancongan yang dijalankan di negeri ini.

Pengurus Besar Tourism Pahang, Datuk Ishak Mokhtar berkata, mahasiswa antarabangsa daripada pelbagai negara yang berada di UMP mampu menjadi tarikan kepada pelancong untuk melihat budaya mereka.

Menurutnya, sektor pelancongan perlu menonjolkan kelainan dan keunikan dan ia bertepatan dengan mereka.

"Saya difahamkan, mahasiswa antarabangsa di UMP ada dari Sudan, Yaman, Arab, Somalia, Jepun

INFO

● **Fiesta Antarabangsa UMP** berlangsung dari 28 hingga 29 Oktober

dan India.

"Semua negara itu mempunyai keunikan dan tersendiri dan saya fikir ia amat bagus jika dapat menampilkan mereka dalam program pelancongan di negeri ini," katanya ketika berucap merasmikan Fiesta Antarabangsa UMP, semalam.

Hadir sama, Naib Canselor UMP, Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

Ishak berkata, dengan pengantaran Fiesta Antarabangsa itu memberi peluang kepada masyarakat untuk melihat dan mengenali kebudayaan negara berkenaan.

Antara aktiviti yang dijalankan pada fiesta itu, program Mini



Ishak (kanan) melawat pameran makanan pada Fiesta Antarabangsa UMP.

Karnival Sukan seperti sukan tradisional rakyat bagi memperkenalkan keunikan budaya masing-masing

selain karnival jualan dan kenderaan saji (food truck).

Dalam pada itu, mengulas me-

ngenai kajian membina lapangan terbang di Pulau Tioman yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada pembentangan Bajet 2018 Jumaat lalu, Ishak berkata, pulau peranginan itu sememangnya memerlukan lapangan terbang baharu yang lebih besar.

"Pulau Tioman sentiasa menjadi tumpuan pelancong namun mempunyai kekangan dari segi pengangkutan kerana pelancong perlu menggunakan feri untuk ke situ dan operasi perkhidmatan itu akan dihentikan jika laut terlalu bergelora.

"Justeru, kita menerima baik cadangan pembinaan lapangan terbang ini dapat memastikan kunjungan pelawat pada setiap masa dan menjamin sumber ekonomi bagi penduduk pulau itu," katanya.